

21/06/2003

'Orang Melayu mesti serius berdepan ekonomi global'

WAKIL Umno Perak, Datuk Ahmad Husni Hanadzlah, berkata orang Melayu perlu serius berhadapan dengan cabaran ekonomi global kerana ia akan menentukan nasib mereka dalam bidang perniagaan.

Katanya, sikap tidak serius orang Melayu berdepan cabaran itu terbukti apabila ramai usahawan Melayu kehilangan perniagaan sebaik saja Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) diperkenalkan awal tahun ini.

"Dalam hal ini, orang Cina lebih serius kerana mereka menggunakan peluang Afta untuk mengimport barangan dari luar dengan harga murah, menyebabkan mereka boleh menjualnya pada harga lebih rendah, sedangkan peniaga Melayu tidak mampu berbuat begitu sehingga gulung tikar.

"Jika dalam ekonomi domestik, bersaing dengan peniaga Cina dan India pun tidak mampu, bagaimana kita hendak bersaing apabila pasaran bebas mengikut

Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dilaksanakan pada 2012?

Mampukah kita bersaing dengan mereka? Kita perlu lebih serius kerana jurang antara kita dengan mereka amat jauh," katanya.

Beliau berkata, ketika WTO mahu diperkenalkan, tiada negara membangun yang berani membantah, melainkan tiga negara saja, termasuk India, Mesir dan Malaysia.

Ahmad Husni berkata, usahawan muda Melayu patut mencontohi usahawan India yang bijak menggunakan akal sehingga mengaut keuntungan berjuta ringgit apabila menceburkan diri dalam bidang teknologi maklumat (IT).

"Sebagai contoh, seorang usahawan IT India berusia 24 tahun yang saya temui, sudah mendapat keuntungan RM10 juta apabila mendapat kontrak daripada gergasi perisian dunia, Microsoft .

"Rahsianya ialah mereka sanggup bekerja 18 jam sehari dan tujuh hari seminggu," katanya.

Ahmad Husni menegaskan proses kejuruteraan sosial yang diperkenalkan Dr

Mahathir amat berjaya dan diakui dunia sehingga taraf ekonomi rakyat dan negara dapat dipertingkatkan.

Beliau berkata, usaha melahirkan lebih ramai usahawan Melayu yang berwibawa perlu diteruskan, sambil menegaskan orang Melayu mesti berani melintasi batasan budaya, kaum dan tamadun untuk berjaya.